



KERAHSIAAN KESELAMATAN MAKLUMAT ICT

Penyebutharga yang berjaya dilantik ke atas tawaran arahan kerja/sebutharga KEJORA menerusi **Sistem ePRO** adalah diwajibkan mengesahkan dan bersetuju akan perkara-perkara berikut:

- 1) Mengesah dan bersetuju bahawa semua maklumat dan dokumen yang telah diperolehi dan disediakan bagi perolehan ini adalah **Hak Milik KEJORA**, ia adalah **RAHSIA** dan tidak boleh didedahkan sama ada secara lisan atau bertulis melalui apa jua bentuk medium, untuk apa jua kegunaan selain dari tujuan perolehan yang dinyatakan ini;
- 2) Mengesah dan bersetuju untuk mematuhi dan menandatangani [Dasar Keselamatan ICT KEJORA \(DKICT\)](#) bagi tujuan perolehan yang dinyatakan ini;
- 3) Penyebutharga yang terdiri daripada Ahli Pasukan, Pihak Pengurusan dan sekutunya yang terlibat bersetuju untuk menandatangani **Akta Rahsia Rasmi 1972** bagi melindungi semua maklumat berkaitan perolehan ini;
- 4) Penyebutharga bersetuju untuk menyerahkan dan memulangkan (tanpa menyimpan sebarang salinan) kepada **KEJORA** atau melupuskan semua maklumat yang diperolehi sepanjang pelaksanaan kerja bagi perolehan yang dinyatakan ini secara selamat.